

Analisis Keperluan Pembangunan E-Kamus dalam Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Komunikasi Perniagaan di Universiti Teknologi Mara Malaysia

(Needs Analysis For E-Dictionary Development in Learning Arabic for Business Communication at Universiti Teknologi Mara Malaysia)

Muhamad Zhafri bin Mohammad Nazmi^{1*}, Fariz Azzuan bin Amat Suparia², Ainaa Mardhiah Binti Zaharuddin³, Farhana Binti Ghazuddin⁴, Husna binti Abdul Ahad⁵

¹Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
Email: zhafrinazmi@uitm.edu.my

²Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
Email: farizazzuan@uitm.edu.my

³Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
Email: ainaamardhiah@uitm.edu.my

⁴Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
Email: farhana3577@uitm.edu.my

⁵Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
Email: husnaabdahad@uitm.edu.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Muhamad Zhafri bin
Mohammad Nazmi
(zhafrinazmi@uitm.edu.my)

KATA KUNCI:

e-kamus
Bahasa Arab untuk Komunikasi
Perniagaan
Analisis keperluan
Pembelajaran Bahasa Arab
Kamus digital

KEYWORDS:

e-dictionary
Arabic for Business
Communication
Needs analysis
Arabic language learning
Digital dictionary

CITATION:

Muhamad Zhafri, M. N., Fariz Azzuan, A. S.,
Ainaa Mardhiah, Z., Farhana, G., & Husna, A.

Penguasaan kosa kata merupakan antara cabaran yang dihadapi pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab untuk Komunikasi Perniagaan, khususnya dalam memahami istilah dan menggunakannya mengikut konteks komunikasi yang sesuai. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab untuk Komunikasi Perniagaan, menilai pandangan mereka terhadap penggunaan teknologi dan kamus digital serta menganalisis ciri-ciri dan kebolehcapaian e-kamus yang diperlukan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan melibatkan 145 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda daripada Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang mengikuti kursus Bahasa Arab untuk Komunikasi Perniagaan. Data dikumpulkan melalui soal selidik yang mengandungi 17 item dan dianalisis secara deskriptif menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 29.0. Dapatan menunjukkan bahawa pelajar masih memerlukan bantuan tambahan untuk menguasai kosa kata Bahasa Arab dalam konteks komunikasi perniagaan dan menghadapi cabaran dalam menggunakan ayat yang sesuai bagi komunikasi rasmi. Dari aspek penggunaan teknologi, pelajar menunjukkan minat terhadap penggunaan e-kamus khusus untuk pembelajaran Bahasa Arab bagi komunikasi

A. (2026). Analisis Keperluan Pembangunan E-Kamus dalam Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Komunikasi Perniagaan di Universiti Teknologi Mara Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 11(9), e004214.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v11i9.4214>

perniagaan. Ciri yang paling banyak dipilih ialah carian dwibahasa Arab–Melayu/Melayu–Arab, diikuti contoh ayat dalam konteks sebenar perniagaan, audio sebutan dan akses luar talian. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan terdapat keperluan untuk membangunkan e-kamus yang memberi tumpuan kepada kosa kata dan konteks komunikasi perniagaan serta mengambil kira keperluan pelajar sebagai pengguna. Dapatan ini boleh dijadikan asas dalam menentukan kandungan dan ciri e-kamus yang akan dibangunkan.

ABSTRACT

Vocabulary mastery remains one of the challenges faced by students in learning Arabic for Business Communication, particularly in understanding terminology and using it appropriately in relevant communication contexts. This study aims to identify the challenges faced by students in learning Arabic for Business Communication, examine their views on the use of technology and digital dictionaries, and analyse their views on the features and accessibility required for an e-dictionary. A quantitative approach was employed involving 145 undergraduate students from the Faculty of Business and Management at Universiti Teknologi MARA (UiTM) who were enrolled in the Arabic for Business Communication course. Data were collected through a 17-item questionnaire and analysed descriptively using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 29.0. The findings indicate that students still require additional support to master Arabic vocabulary in the context of business communication (mean=2.96) and face challenges in using appropriate sentences for formal communication (mean=2.94). In terms of technology use, students showed interest in using a dedicated e-dictionary for learning Arabic for business communication (mean=3.35). The most frequently selected feature was bilingual Arabic–Malay/Malay–Arabic search, followed by examples of sentences in actual business contexts, word pronunciation audio, and offline access. Overall, the findings indicate a need to develop an e-dictionary that focuses on vocabulary and business communication contexts while taking into account students' needs as users. These findings may serve as a basis for determining the content and features of the e-dictionary to be developed.

1. Pengenalan

Kemajuan teknologi digital telah memacu perkembangan bidang pendidikan dengan kewujudan teknologi dan medium pembelajaran digital yang dapat meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam konteks pembelajaran bahasa, Ossai et al. (2021) menunjukkan bahawa penggunaan e-kamus sebagai strategi pembelajaran dapat menyokong pemerolehan kosa kata serta meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur dalam pembelajaran bahasa. Penggunaan kamus elektronik juga berpotensi mempercepat proses pencarian maklumat bahasa. Kajian terdahulu

menunjukkan bahawa penggunaan kamus elektronik dalam tugas terjemahan membolehkan pelajar memahami lebih banyak kandungan dalam tempoh yang lebih singkat berbanding penggunaan kamus bercetak (Leffa, 1992).

Dalam konteks bahasa Arab untuk tujuan perniagaan, Ahmad et al. (2025) mendapati bahawa pelajar masih menghadapi cabaran dalam menguasai kosa kata berkaitan perniagaan. Kajian tersebut turut menunjukkan keperluan pelajar terhadap sumber pembelajaran yang lebih menarik, interaktif dan relevan dengan konteks pembelajaran mereka.

Selain memudahkan pencarian makna perkataan, e-kamus turut menyokong pembelajaran bahasa secara menyeluruh. Alamri dan Hakami (2022) menjelaskan bahawa penggunaan e-kamus memberi manfaat dalam pelbagai aspek pembelajaran bahasa termasuklah kemahiran membaca, menulis, penguasaan kosa kata serta sebutan. Di samping itu, Mustika dan Dashela (2024) mendapati bahawa penggunaan e-kamus dapat meningkatkan motivasi pelajar serta menggalakkan penglibatan aktif dalam aktiviti pembelajaran. Dapatan ini menunjukkan bahawa e-kamus bukan sahaja berfungsi sebagai alat rujukan, malah berpotensi menjadi medium pembelajaran sendiri yang berkesan.

Walaupun pelbagai kajian telah membuktikan keberkesanan e-kamus, kebanyakannya tertumpu pada penilaian penggunaan produk yang telah dibangunkan. Kajian yang meneliti keperluan pengguna dan persepsi pelajar sebagai asas pembangunan e-kamus khusus untuk pembelajaran Bahasa Arab di institusi pengajian tinggi di Malaysia masih terhad. Antaranya ialah kajian Saini dan Bale (2025) yang lebih tertumpu pada perbandingan antara penggunaan kamus digital dengan bukan digital dalam pembelajaran bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, kajian tersebut tidak meneliti secara khusus persepsi dan keperluan pelajar terhadap pembangunan e-kamus bagi pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing. Persepsi pelajar merupakan aspek penting kerana mereka merupakan pengguna utama yang akan menentukan sejauh mana sesuatu aplikasi dapat memenuhi keperluan pembelajaran sebenar. Analisis terhadap persepsi ini dapat membantu mengenal pasti cabaran, keperluan, ciri-ciri yang diingini serta tahap kesediaan pelajar terhadap penggunaan e-kamus dalam pembelajaran bahasa Arab. Berdasarkan sorotan tersebut, masih terdapat ruang kajian untuk meneroka keperluan pembangunan e-kamus yang secara khusus menggabungkan kosa kata bahasa Arab untuk komunikasi perniagaan dengan konteks pembelajaran pelajar di institusi pengajian tinggi.

Berdasarkan keperluan tersebut, kajian ini dijalankan untuk meneliti persepsi pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) terhadap pembangunan e-kamus dalam pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing. Dapatan kajian ini akan menjadi asas bagi pembangunan e-kamus yang lebih sistematik dan berpusatkan pengguna. Sehubungan dengan itu, model ADDIE dipilih sebagai kerangka pembangunan kerana menyediakan proses pembangunan yang tersusun, merangkumi fasa analisis keperluan, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian. Dalam fasa analisis, keperluan dan persepsi pelajar akan dikenal pasti bagi memastikan e-kamus yang dibangunkan dapat memenuhi kehendak pengguna serta menyokong pembelajaran bahasa Arab secara lebih berkesan.

1.1. Permasalahan Kajian

Penguasaan kosa kata masih menjadi antara cabaran dalam pembelajaran bahasa Arab pada peringkat pengajian tinggi, khususnya apabila pelajar perlu memahami dan menggunakan perkataan secara tepat dalam situasi komunikasi. Dalam konteks UiTM, pelajar dilaporkan menghadapi kesukaran dalam penguasaan makna, sebutan, ejaan, penghafalan kosa kata dan komunikasi bahasa Arab (Zulkepli et al., 2023). Cabaran ini menjadi lebih kompleks dalam pembelajaran Bahasa Arab untuk Komunikasi Perniagaan kerana pelajar bukan sahaja perlu mengetahui makna sesuatu perkataan, malah perlu memahami penggunaannya mengikut konteks komunikasi yang khusus. Ahmad et al. (2025) turut mendapati bahawa pelajar menghadapi cabaran dalam menguasai kosa kata berkaitan perniagaan serta memerlukan sumber pembelajaran yang lebih menarik, interaktif dan kontekstual. Dapatan ini menunjukkan bahawa penguasaan kosa kata bagi tujuan perniagaan perlu merangkumi bukan sahaja pemahaman terhadap makna perkataan, malah keupayaan menggunakannya dalam konteks komunikasi yang relevan.

Sejajar dengan perkembangan sumber pembelajaran digital, pembangunan e-kamus bahasa Arab turut mendapat perhatian dalam pelbagai konteks dan kumpulan pengguna. Kajian lepas telah meneliti pembangunan kamus Arab-Indonesia berasaskan Android untuk pelajar sekolah, keperluan terhadap kamus digital khusus bagi idiom dalam kalangan pelajar universiti serta pembangunan e-kamus dalam konteks pendidikan agama (Ramadhani et al., 2024; Izza et al., 2024; Ismail et al., 2025). Secara keseluruhannya, kajian-kajian tersebut menunjukkan bahawa pembangunan e-kamus semakin mengambil kira keperluan pengguna dan konteks pembelajaran tertentu. Hal ini turut disokong oleh dapatan Alsayyida (2026) yang mendapati bahawa setiap kamus digital bahasa Arab mempunyai kekuatan tersendiri berdasarkan fungsi dan keperluan pengguna.

Namun, kajian mengenai e-kamus bahasa Arab masih banyak tertumpu pada konteks pembelajaran umum atau bidang tertentu (Ramadhani et al., 2024; Izza et al., 2024; Ismail et al., 2025). Keperluan terhadap e-kamus yang secara khusus menyokong pembelajaran bahasa Arab untuk Komunikasi Perniagaan pada peringkat pengajian tinggi pula masih belum banyak diterokai. Oleh itu, bukti empirikal berkaitan keperluan pelajar terhadap e-kamus dalam konteks ini masih terhad. Secara khusus, kandungan dan ciri e-kamus yang benar-benar diperlukan oleh pelajar untuk membantu mereka memahami dan menggunakan kosa kata dalam komunikasi perniagaan masih belum dikenal pasti dengan jelas. Perkara ini penting kerana e-kamus yang dibangunkan untuk tujuan umum atau kumpulan pengguna yang berbeza tidak semestinya dapat memenuhi keperluan pembelajaran Bahasa Arab untuk Komunikasi Perniagaan.

Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan pelajar terhadap pembangunan e-kamus bagi pembelajaran Bahasa Arab untuk Komunikasi Perniagaan khususnya dari aspek kandungan dan ciri yang dapat menyokong penguasaan kosa kata dalam konteks komunikasi perniagaan.

1.2. Objektif Kajian

- i. Menenalpasti cabaran yang dihadapi pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab untuk komunikasi.

- ii. Menilai pandangan pelajar dalam penggunaan teknologi dan kamus digital dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab untuk komunikasi.
- iii. Menganalisis pandangan pelajar terhadap ciri-ciri dan kebolehcapaian e-kamus dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab untuk komunikasi.

2. Sorotan Literatur

2.1. Bahasa Arab untuk Tujuan Khusus

Pengajaran bahasa Arab telah berkembang daripada pengajaran bahasa Arab umum kepada bahasa Arab untuk tujuan khusus atau *Arabic for Specific Purposes* (ASP), selaras dengan peningkatan keperluan terhadap bahasa Arab dalam pelbagai bidang profesional. Ghani et al. (2019) menyatakan bahawa permintaan terhadap ASP semakin meningkat, dengan penekanan pada penyesuaian kandungan, perbendaharaan kata, gaya bahasa, bahan pengajaran, dan penilaian berdasarkan keperluan pelajar serta konteks bidang sasaran. Selain penguasaan linguistik, ASP turut menekankan kemahiran komunikasi yang diperlukan dalam situasi profesional. Golfetto (2017) pula mendapati bahawa pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan khusus berkait rapat dengan orientasi kerjaya dalam bidang politik, diplomasi, pentadbiran, media, perdagangan, pelancongan dan penterjemahan. Kepentingan ASP turut disokong oleh Durkawi dan Binmoeller (2017) yang menekankan peranan bahasa Arab dalam komunikasi antara budaya, khususnya dalam bidang perdagangan, hubungan masyarakat, diplomasi dan sektor profesional lain.

Dalam konteks Malaysia, perkembangan ASP berkait rapat dengan konsep pengajaran bahasa untuk tujuan khusus yang dipengaruhi oleh kemunculan *English for Specific Purposes* (ESP) pada tahun 1960-an (Jaffar et al., 2013). Pendekatan ini menekankan penyediaan kandungan kursus, kaedah pengajaran, bahan pembelajaran dan penilaian berdasarkan keperluan pelajar serta konteks penggunaan bahasa sasaran (Ghani et al., 2019). Perkembangan ASP di Malaysia dapat dilihat melalui pembangunan kursus dan bahan pembelajaran bahasa Arab dalam pelbagai bidang khusus, antaranya ekonomi (Hashim, 2009), kejururawatan (Zainudin, 2010) dan teknologi pertanian (Daud, 2016). Justeru, perkembangan tersebut mencerminkan usaha untuk menyesuaikan pengajaran bahasa Arab dengan keperluan akademik dan profesional pelajar, sekali gus membantu mereka meningkatkan kecekapan berbahasa dan kemahiran komunikasi yang relevan dalam konteks pekerjaan serta komunikasi antara budaya.

2.2. Bahasa Arab untuk Komunikasi Perniagaan

Pembelajaran bahasa Arab untuk komunikasi perniagaan memberi tumpuan pada penggunaan bahasa dalam situasi perdagangan dan perniagaan. Pembelajarannya perlu disesuaikan dengan keperluan pelajar serta situasi sebenar penggunaan bahasa seperti dalam urusan perniagaan, surat-menyurat dan rundingan (Zhang & Al-Rabay'ah, 2025). Dalam konteks UiTM, pendekatan ini dapat dilihat melalui salah satu kod kursus iaitu TAC402: Bahasa Arab untuk Komunikasi Perniagaan (Tahap 1) yang memberi pendedahan kepada kosa kata dan frasa berkaitan kerjaya dan profesion, perjalanan perniagaan, mesyuarat serta janji temu (UiTM, 2023). Kandungan tersebut menunjukkan bahawa pelajar perlu menguasai kosa kata, istilah dan ungkapan yang sesuai dengan situasi komunikasi dalam bidang perniagaan. Keperluan ini menjadi lebih jelas apabila penguasaan kosa kata dan istilah perniagaan masih menjadi cabaran

kepada pelajar, khususnya dalam memahami istilah yang membawa makna khusus dalam konteks ekonomi dan perniagaan (Shuhan et al., 2022; Ahmad et al., 2025).

Sehubungan dengan itu, kajian terdahulu menunjukkan bahawa pelajar memerlukan bahan pembelajaran yang lebih relevan dengan penggunaan bahasa dalam situasi perniagaan. Habibullahi et al. (2025) mendapati bahawa pembelajaran perlu memberikan penekanan pada kosa kata berkaitan perniagaan serta contoh penggunaannya dalam situasi sebenar. Dalam konteks Malaysia, Ahmad et al. (2025) turut mendapati bahawa pelajar bidang perniagaan di UiTM memerlukan bahan pembelajaran kosa kata yang lebih menarik, interaktif dan relevan dengan konteks penggunaannya. Kesimpulannya, dapatan tersebut menunjukkan bahawa bahan pembelajaran Bahasa Arab untuk Komunikasi Perniagaan perlu mengambil kira kosa kata khusus bidang, konteks penggunaannya serta keperluan pelajar.

2.3. E-kamus

E-kamus pada dasarnya merupakan kamus yang direka dalam bentuk elektronik dan mempunyai pelbagai kelebihan dalam pembelajaran bahasa. Ossai et al. (2021) mendapati bahawa penggunaan e-kamus membolehkan pelajar memperoleh maklumat dengan lebih cepat berbanding dengan penggunaan kamus konvensional. Selain itu, Alamri dan Hakami (2022) menjelaskan bahawa penggunaan e-kamus memberikan manfaat kepada pelajar dalam pelbagai aspek pembelajaran bahasa, termasuk kemahiran membaca dan menulis, penguasaan kosa kata serta sebutan. Mustika dan Dashela (2024) pula mendapati bahawa penggunaan e-kamus dapat meningkatkan motivasi dan penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran.

2.4. E-kamus dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Pelbagai kajian telah dijalankan berkaitan penggunaan e-kamus dalam pembelajaran bahasa Arab. Muezzin (2021) memfokuskan kajian terhadap peranan e-kamus dalam aktiviti penterjemahan bagi pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan penutur jati. Kajian tersebut mendapati bahawa penggunaan e-kamus dapat meningkatkan penguasaan bahasa serta membantu pelajar dalam proses terjemahan. Taufiqurochman dan Mustaqim (2023) pula mendapati bahawa e-kamus dapat membantu pelajar memahami kosa kata Bahasa Arab sekali gus menyokong pembelajaran sendiri. Selain itu, Ismail dan Yusoff (2023) mendapati bahawa penggunaan e-kamus dapat meningkatkan keberkesanan dan produktiviti pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Dari aspek pembangunan e-kamus, Md Ghalib et al. (2022) menegaskan bahawa e-kamus perlu dibangunkan secara lebih interaktif dan dilengkapi dengan maklumat linguistik yang komprehensif bagi memenuhi keperluan pembelajaran bahasa pada era digital. Oleh itu, e-kamus bukan sahaja berfungsi sebagai alat rujukan bahasa, malah berperanan sebagai medium pembelajaran digital yang dapat meningkatkan penguasaan bahasa Arab dengan lebih berkesan.

2.5. Analisis Keperluan

Kajian lepas menunjukkan bahawa keperluan terhadap penggunaan e-kamus dan aplikasi digital dalam pembelajaran bahasa Arab semakin meningkat selaras dengan perkembangan teknologi pendidikan serta perubahan corak pembelajaran generasi masa kini. Ismail et al. (2025) menegaskan bahawa pembangunan e-Kamus Wazifiy perlu berasaskan keperluan sebenar pengguna bagi memastikan keberkesanannya

sebagai alat bantu pembelajaran. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa pelajar menghargai ciri interaktif yang terdapat dalam e-kamus kerana ia dapat meningkatkan minat, motivasi dan penglibatan mereka dalam proses pembelajaran bahasa. Selain itu, pengguna turut mengharapkan kandungan yang mesra pengguna, mudah diakses serta relevan dengan konteks budaya dan kurikulum semasa. Keperluan ini menggambarkan bahawa kamus bercetak konvensional mungkin mempunyai keterbatasan untuk memenuhi tuntutan pembelajaran abad ke-21 yang memerlukan akses kepada maklumat secara pantas, fleksibel dan interaktif. Tambahan pula, cadangan untuk mengintegrasikan teknologi moden seperti realiti terimbuh (*Augmented Reality* (AR)) menunjukkan bahawa pengguna menginginkan pengalaman pembelajaran yang lebih menarik dan bermakna melalui pemanfaatan teknologi digital (Ismail et al., 2025).

Dapatan tersebut selari dengan kajian Zulkepli et al. (2023) yang mendapati bahawa terdapat tahap keperluan yang tinggi terhadap pembangunan aplikasi kosa kata bahasa Arab untuk komunikasi dalam kalangan pelajar UiTM Kedah. Kajian tersebut menunjukkan bahawa teknologi pembelajaran berupaya meningkatkan motivasi dan minat pelajar terhadap penguasaan kosa kata melalui platform digital yang lebih sesuai dengan gaya pembelajaran generasi semasa. Responden turut menyokong pembangunan aplikasi sebagai medium sokongan pembelajaran kerana dapat memudahkan akses kepada bahan rujukan dan memperkaya pengalaman pembelajaran sendiri. Secara keseluruhannya, kedua-dua kajian membuktikan bahawa penggunaan e-kamus bukan sekadar berfungsi sebagai alat rujukan dan terjemahan, malah berpotensi menjadi platform pembelajaran yang komprehensif bagi menyokong pemerolehan kosa kata, pembelajaran sendiri, pembelajaran kolaboratif dan pembelajaran berpusatkan pelajar. Oleh itu, pembangunan e-kamus yang interaktif, inovatif dan berasaskan keperluan pengguna adalah penting bagi meningkatkan penguasaan bahasa Arab serta memenuhi tuntutan transformasi pendidikan digital masa kini (Ismail et al., 2025; Zulkepli et al., 2023).

3. Metod Kajian

3.1. Reka bentuk kajian

Kajian ini merupakan kajian awal bagi pembangunan e-kamus. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mengenal pasti pandangan dan keperluan pelajar terhadap penggunaan e-kamus dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Bahasa Arab untuk Komunikasi Perniagaan.

3.2. Peserta Kajian

Kajian ini melibatkan 145 orang pelajar yang mendaftar kursus Bahasa Arab untuk Komunikasi Perniagaan. Mereka merupakan pelajar pada peringkat Ijazah Sarjana Muda dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM di seluruh Malaysia. Kursus ini merupakan salah satu kursus wajib universiti yang perlu diikuti oleh pelajar sebagai komponen bahasa ketiga. Pelajar-pelajar fakulti ini dipilih sebagai responden kajian kerana mereka mengikuti kursus Bahasa Arab untuk Komunikasi Perniagaan secara formal. Oleh itu, e-kamus yang dicadangkan akan dibangunkan berdasarkan sukatan pelajaran kursus tersebut.

3.3. Instrumen Kajian

Bagi mencapai ketiga-tiga objektif kajian, para pengkaji telah menyediakan soal selidik untuk mengenal pasti pandangan dan keperluan pelajar terhadap penggunaan e-kamus dalam pembelajaran kursus Bahasa Arab untuk Komunikasi Perniagaan. Soal selidik ini telah dirangka dan dibina berdasarkan kajian-kajian lepas yang diperoleh daripada jurnal akademik, tesis dan penulisan-penulisan akademik yang berkaitan. Soal selidik ini terdiri daripada empat bahagian yang merangkumi 17 item. Pecahan bahagian dan item adalah seperti dalam jadual 1 berikut:

Jadual 1: Pembahagian Item Kaji Selidik

Bahagian	Jumlah Item
Bahagian 1: Demografi responden	7 item
Bahagian 2: Cabaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi Perniagaan	5 item
Bahagian 3: Penggunaan Teknologi dan Kamus Digital	4 item
Bahagian 4: Ciri-Ciri dan Kebolehcapaian E-Kamus	1item

3. 4. Analisis kajian

Data yang diperoleh daripada soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 29.0. Data tersebut dianalisis secara deskriptif berdasarkan nilai kekerapan dan peratusan.

4. Hasil Kajian

4.1. Demografi

Jadual 2 dan Jadual 3 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan jantina pelajar yang menjawab kaji selidik ini. Seramai 45 pelajar lelaki dengan peratusan 31% dan 100 pelajar perempuan dengan peratusan 69% telah menjawab kaji selidik ini dengan lingkungan umur majoritinya 21 tahun dengan bilangan 105 pelajar dengan peratusan 72.4%.

Jadual 2: Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratusan
Lelaki	45	31.0
Perempuan	100	69.0
Total	145	100.0

Jadual 3: Umur

Umur	Kekerapan	Peratusan
20 tahun	7	4.8
21 tahun	105	72.4
22 tahun	18	12.4
23 tahun dan keatas	15	10.3
Total	145	100.0

Berdasarkan kepada Jadual 4, Jadual 5 dan Jadual 6, dapatan menunjukkan bahawa seramai 145 orang pelajar terlibat dalam kajian ini dan mereka terdiri daripada pelbagai program, bahagian serta cawangan pengajian. Dari segi program pengajian, kumpulan terbesar ialah pelajar daripada program berkod 262, iaitu seramai 44 orang (30.3%), diikuti program 270 seramai 26 orang (17.9%) dan program 272 seramai 15 orang (10.3%). Bagi bahagian pengajian pula, majoriti pelajar berada dalam Bahagian 3, iaitu seramai 69 orang (47.6%), diikuti Bahagian 2 seramai 52 orang (35.9%). Dari aspek cawangan pengajian, kebanyakan responden berasal dari Selangor seramai 71 orang (49.0%) dan Sarawak seramai 69 orang (47.6%), manakala hanya sebilangan kecil berasal dari Shah Alam, Sabah dan Perak. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa responden kajian mempunyai latar belakang pengajian yang pelbagai, namun majoritinya tertumpu pada beberapa program, bahagian dan cawangan tertentu.

Jadual 4: Program Pengajian

Program Pengajian	Kekerapan	Peratusan
BA240	1	.7
BA262	44	30.3
BA264	8	5.5
BA265	5	3.4
BA266	1	.7
BA270	26	17.9
BA271	6	4.1
BA272	15	10.3
BA273	13	9.0
BA274	1	.7
BA276	7	4.8
BA277	8	5.5
BA279	9	6.2
BA280	1	.7
Total	145	100.0

Jadual 5: Bahagian Pengajian

Bahagian Pengajian	Kekerapan	Peratusan
Bahagian 1	13	9.0
Bahagian 2	52	35.9
Bahagian 3	69	47.6
Bahagian 4	10	6.9
Bahagian 5	1	.7
Jumlah	145	100.0

Jadual 6: Cawangan Pengajian

Cawangan Pengajian	Kekerapan	Peratusan
Selangor	71	49.0
Shah Alam	3	2.1
Sarawak	69	47.6
Sabah	1	.7

Perak	1	.7
Jumlah	145	100.0

Jadual 7 menunjukkan kekerapan dan peratusan berkaitan pengalaman pelajar dalam mempelajari Bahasa Arab. Majoriti pelajar mempunyai pengalaman mempelajari Bahasa Arab, iaitu seramai 101 orang pelajar dengan peratusan sebanyak 69.7%, manakala 44 orang pelajar atau 30.3% tidak mempunyai pengalaman mempelajari Bahasa Arab sebelum mendaftar sebagai pelajar universiti. Peratusan pelajar yang mempunyai pengalaman mempelajari Bahasa Arab ini berkemungkinan terdiri daripada pelajar yang telah mempelajari bahasa tersebut sejak di peringkat sekolah rendah atau sekolah menengah, khususnya mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan sekolah agama yang menerapkan pembelajaran Bahasa Arab dalam kurikulum.

Jadual 7: Pengalaman Bahasa Arab

Pilihan Jawapan	Kekerapan	Peratusan
Ya	101	69.7
Tidak	44	30.3
Jumlah	145	100.0

Jadual 8 menunjukkan tahap penguasaan Bahasa Arab pelajar berdasarkan penilaian sendiri mereka. Majoriti pelajar berpendapat bahawa mereka mempunyai tahap penguasaan Bahasa Arab yang sederhana, iaitu seramai 60 orang pelajar dengan peratusan 41.4%. Selain itu, terdapat juga pelajar yang beranggapan bahawa mereka mempunyai tahap penguasaan Bahasa Arab yang baik dan sangat baik, masing-masing seramai 42 orang pelajar dan 7 orang pelajar, dengan peratusan 29.0% dan 4.8%. Sementara itu, seramai 36 orang pelajar atau 24.8% menilai tahap penguasaan Bahasa Arab mereka sebagai lemah.

Jadual 8: Tahap Penguasaan Bahasa Arab

Tahap	Kekerapan	Peratusan
Lemah	36	24.8
Sederhana	60	41.4
Baik	42	29.0
Sangat baik	7	4.8
Jumlah	145	100.0

Keadaan ini mungkin berkait dengan latar belakang pengalaman pembelajaran Bahasa Arab yang berbeza dalam kalangan pelajar. Sebahagian pelajar mungkin tidak mempunyai asas Bahasa Arab yang kukuh atau tidak pernah mempelajari Bahasa Arab sebelum memasuki universiti.

4.2. Cabaran Dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Bagi mencapai objektif pertama, para pengkaji telah menyediakan item kaji selidik bagi mengenalpasti cabaran yang dihadapi pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab untuk komunikasi. Data dianalisis menggunakan nilai min.

Jadual 9 menunjukkan pengalaman dan cabaran yang dihadapi oleh pelajar ketika mempelajari Bahasa Arab untuk komunikasi. Julat nilai min bagi item kaji selidik adalah

antara 2.26 hingga 3.38. Nilai min tertinggi, iaitu 3.38, diperoleh bagi item BQ5 yang menunjukkan bahawa pelajar berpendapat mereka memahami pengajaran Bahasa Arab yang disampaikan oleh pensyarah di dalam kelas. Dapatan ini diikuti oleh item BQ4 dengan nilai min 2.96, iaitu pelajar berpendapat bahawa mereka memerlukan bantuan tambahan dalam menguasai kosa kata Arab yang sesuai dalam konteks komunikasi perniagaan. Seterusnya, item BQ2 mencatatkan nilai min 2.94, yang menunjukkan bahawa pelajar menghadapi cabaran dalam menggunakan ayat Bahasa Arab yang sesuai ketika berkomunikasi secara rasmi.

Jadual 9: Cabaran Dalam Pembelajaran Bahasa Arab

	N	Min	Sisihan Piawai
BQ1 Saya berasa sukar memahami istilah dalam Bahasa Arab berkaitan perniagaan.	145	2.61	.748
BQ2 Saya menghadapi cabaran menggunakan ayat yang sesuai ketika berkomunikasi secara rasmi dalam bahasa Arab.	145	2.94	.679
BQ3 Bahan pembelajaran sedia ada tidak mencukupi untuk membantu saya dalam memahami silibus bahasa Arab (komunikasi perniagaan).	145	2.26	.848
BQ4 Saya memerlukan bantuan tambahan untuk menguasai kosa kata Arab dalam konteks profesional berkaitan komunikasi perniagaan.	145	2.96	.633
BQ5 Saya memahami pengajaran yang disampaikan oleh pensyarah bahasa Arab dalam kelas.	145	3.38	.657
Valid N (listwise)	145		

Bagi item yang memperoleh nilai min yang lebih rendah pula, BQ1 dan BQ3 masing-masing mencatatkan nilai min 2.61 dan 2.26. Dapatan ini berkaitan dengan kesukaran pelajar memahami istilah perniagaan dalam Bahasa Arab serta pandangan mereka terhadap kecukupan bahan pembelajaran sedia ada dalam membantu mereka memahami silibus Bahasa Arab bagi komunikasi perniagaan. Oleh yang demikian, dapatan menunjukkan bahawa pelajar masih menghadapi cabaran, khususnya dalam aspek penguasaan kosa kata perniagaan dalam Bahasa Arab. Justeru, terdapat keperluan untuk membangunkan bahan tambahan yang dapat membantu meningkatkan penguasaan kosa kata mereka, dan salah satu bahan yang dicadangkan dalam kajian ini ialah e-kamus.

4.3. Penggunaan Teknologi & Kamus Digital

Bagi mencapai objektif kedua, para pengkaji telah menyediakan item kaji selidik bagi mengenalpasti pandangan pelajar dalam penggunaan teknologi dan kamus digital dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab untuk komunikasi. Data dianalisis menggunakan nilai min.

Jadual 10 menunjukkan pandangan pelajar terhadap penggunaan teknologi dan kamus dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab untuk komunikasi. Julat nilai min bagi item kaji selidik adalah antara 2.99 hingga 3.35. Nilai min tertinggi diperoleh bagi item CQ4 dengan nilai min 3.35, iaitu pelajar berpendapat bahawa mereka berminat untuk menggunakan e-kamus dalam pembelajaran Bahasa Arab bagi komunikasi perniagaan.

Item kedua yang mencatatkan nilai min tertinggi ialah CQ3 dengan nilai min 3.33, yang menunjukkan bahawa pelajar mempunyai pengalaman menggunakan teknologi untuk mencari istilah Bahasa Arab berkaitan perniagaan. Dapatan ini diikuti oleh item CQ1 dengan nilai min 3.09, iaitu pelajar pernah menggunakan kamus digital atau aplikasi terjemahan dalam pembelajaran Bahasa Arab. Nilai min terendah pula dicatatkan oleh item CQ2 dengan nilai min 2.99, yang menunjukkan bahawa pelajar cenderung memilih penggunaan teknologi berbanding kamus bercetak.

Jadual 10: Penggunaan Teknologi & Kamus Digital

	N	Min	Sisihan Piawai
CQ1 Saya pernah menggunakan kamus digital atau aplikasi terjemahan.	145	3.09	.881
CQ2 Saya lebih gemar menggunakan teknologi berbanding kamus bercetak.	145	2.99	.842
CQ3 Saya pernah mencari istilah bahasa Arab berkaitan perniagaan menggunakan teknologi.	145	3.33	.717
CQ4 Saya berminat untuk menggunakan e-kamus khusus bagi tujuan pembelajaran bahasa Arab berkaitan komunikasi perniagaan.	145	3.35	.693
Valid N (listwise)	145		

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai pengalaman yang agak baik dalam penggunaan teknologi serta menunjukkan minat terhadap penggunaan e-kamus khusus untuk pembelajaran Bahasa Arab dalam konteks komunikasi perniagaan. Dapatan ini turut memberikan sokongan terhadap keperluan pembangunan e-kamus sebagai bahan sokongan pembelajaran yang selaras dengan kecenderungan pelajar terhadap penggunaan teknologi.

4.4. Ciri-Ciri Dan Kebolehcapaian E-Kamus

Untuk mencapai objektif ketiga dalam mengenal pasti ciri-ciri dan kebolehcapaian e-kamus berdasarkan pandangan pelajar, para pengkaji telah menyediakan enam cadangan ciri utama yang diberi perhatian dalam pembangunan e-kamus. Pelajar dibenarkan memilih lebih daripada satu ciri dan data dibentangkan berdasarkan kekerapan pilihan bagi setiap ciri yang dipilih.

Jadual 11 membentangkan kekerapan pilihan ciri-ciri e-kamus berdasarkan pandangan pelajar. Ciri yang memperoleh nilai kekerapan tertinggi ialah carian dua bahasa (Arab-Melayu/Melayu-Arab) dengan kekerapan sebanyak 143. Pilihan kedua tertinggi ialah penyediaan contoh ayat dalam konteks sebenar perniagaan dengan kekerapan 110, diikuti oleh ciri audio sebutan perkataan dengan kekerapan 92. Selain itu, ciri akses luar talian turut menjadi pilihan pelajar dengan kekerapan 91, yang menunjukkan kepentingan kebolehcapaian e-kamus tanpa bergantung sepenuhnya kepada sambungan internet. Ciri senarai ungkapan atau frasa penting dalam komunikasi rasmi dan reka bentuk mesra telefon pintar mencatatkan kekerapan yang lebih rendah, masing-masing sebanyak 86 dan 73.

Jadual 11: Kekerapan Pilihan Ciri-ciri E-kamus oleh Pelajar

Pilihan Ciri E-kamus	Kekerapan
Carian dua bahasa (Arab–Melayu / Melayu–Arab)	143
Audio sebutan perkataan	92
Contoh ayat dalam konteks sebenar perniagaan	110
Senarai ungkapan (frasa) penting dalam komunikasi rasmi	86
Reka bentuk mesra telefon pintar	73
Akses luar talian (offline)	91

Berdasarkan pilihan ciri tersebut, pelajar dilihat lebih mengutamakan fungsi utama e-kamus yang dapat membantu mereka memahami dan menggunakan kosa kata Bahasa Arab dalam konteks komunikasi perniagaan, khususnya melalui carian dua bahasa dan penyediaan contoh ayat. Ciri-ciri ini boleh membantu pelajar memahami makna kosa kata serta penggunaannya dalam konteks yang sesuai. Sementara itu, reka bentuk mesra telefon pintar mencatatkan kekerapan terendah berbanding ciri-ciri lain, menunjukkan bahawa aspek tersebut kurang menjadi keutamaan pelajar berbanding fungsi kandungan dan kebolehcapaian e-kamus.

5. Perbincangan Dapatan Kajian

Pembangunan e-kamus untuk pembelajaran kursus Bahasa Arab untuk Komunikasi Perniagaan di UiTM merupakan satu langkah inovatif yang penting dalam memacu transformasi pendidikan digital semasa. Bagi menyokong proses pembangunan e-kamus ini, dapatan kajian diperincikan mengikut objektif kajian dalam bahagian perbincangan ini.

5.1. Mengenal pasti cabaran yang dihadapi pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk komunikasi.

Berdasarkan analisis deskriptif, majoriti responden (69.7%) mempunyai latar belakang pembelajaran bahasa Arab sebelum memasuki universiti. Sungguhpun begitu, tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan responden masih berada pada tahap sederhana (41.4%) dan lemah (24.8%). Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun majoriti responden mempunyai pengalaman mempelajari bahasa Arab, mereka masih menghadapi cabaran dalam pembelajaran Bahasa Arab untuk Komunikasi Perniagaan.

Dapatan kajian memperlihatkan bahawa pelajar dapat memahami pengajaran pensyarah dalam kelas ($M = 3.38$). Namun begitu, mereka masih memerlukan sokongan tambahan untuk meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam konteks komunikasi perniagaan profesional ($M = 2.96$). Selain itu, pelajar turut menghadapi kesukaran untuk menggunakan ayat bahasa Arab yang sesuai dalam komunikasi rasmi ($M = 2.94$) serta memahami istilah perniagaan dalam bahasa Arab ($M = 2.61$).

Dapatan kajian ini selaras dengan kajian Zulkepli et al. (2023) yang menunjukkan bahawa pelajar UiTM berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam pembelajaran bahasa Arab, khususnya dari aspek pemahaman makna, sebutan, ejaan, penghafalan kosa kata serta keupayaan berkomunikasi secara berkesan. Dalam konteks komunikasi perniagaan, cabaran ini menjadi lebih rumit apabila pelajar bukan sahaja perlu memahami makna literal sesuatu istilah, malah perlu mentafsir makna tersebut secara tepat berdasarkan konteks penggunaannya dalam bidang perniagaan. Dapatan kajian ini turut memperkukuh dapatan kajian terdahulu yang menyatakan bahawa pelajar

menghadapi kesukaran dalam menguasai kosa kata dan istilah perniagaan kerana penguasaan tersebut memerlukan pemahaman terhadap makna berdasarkan konteks penggunaannya dalam bidang ekonomi dan perniagaan (Shuhan et al., 2022; Ahmad et al., 2025).

Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa bahan pembelajaran sedia ada masih belum mencukupi untuk menyokong pemahaman pelajar terhadap kandungan silibus Bahasa Arab untuk Komunikasi Perniagaan ($M=2.26$). Hal ini memperlihatkan bahawa keterbatasan bahan rujukan boleh mempengaruhi keupayaan pelajar untuk memahami kandungan pembelajaran secara sendiri. Dalam kerangka ASP, pengajaran bahasa perlu dirancang selaras dengan keperluan profesional dan bidang kerjaya pelajar. Keberkesanan program ASP bergantung pada kesesuaian bahan pengajaran, pemilihan kosa kata serta penguasaan kemahiran komunikasi yang berkaitan secara langsung dengan konteks profesional sebenar (Ghani et al., 2019; Golfetto, 2017). Oleh itu, jurang antara pemahaman terhadap kandungan pembelajaran dengan keupayaan menggunakan kosa kata secara praktikal menunjukkan keperluan terhadap pembangunan bahan sokongan pembelajaran yang lebih inovatif seperti e-kamus khusus.

5.2. Menilai pandangan pelajar dalam penggunaan teknologi dan kamus digital dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk komunikasi.

Bagi objektif ini, dapatan kajian menunjukkan tahap minat yang sangat tinggi dalam kalangan pelajar terhadap penggunaan e-kamus khusus sebagai bahan sokongan dalam pembelajaran Bahasa Arab untuk Komunikasi Perniagaan ($M= 3.35$). Kecenderungan ini turut disokong oleh pengalaman pelajar dalam memanfaatkan teknologi untuk mencari istilah berkaitan perniagaan ($M= 3.33$) serta menggunakan kamus digital atau aplikasi terjemahan sebagai sumber rujukan ($M= 3.09$). Pelajar turut menunjukkan kecenderungan untuk memilih sumber berasaskan teknologi berbanding dengan kamus bercetak konvensional ($M= 2.99$). Pola dapatan ini mencerminkan kesediaan pelajar untuk menggunakan e-kamus sebagai sumber sokongan dalam pembelajaran bahasa Arab yang berorientasikan komunikasi perniagaan.

Penerimaan pelajar terhadap penggunaan teknologi selari dengan transformasi pendidikan abad ke-21 yang semakin menekankan pembelajaran berasaskan digital. Penggunaan e-kamus membolehkan proses pencarian maklumat dilakukan dua kali lebih pantas berbanding dengan kamus bercetak, sekali gus memudahkan akses kepada maklumat bahasa dan menyokong proses pemerolehan kosa kata (Ossai et al., 2021). Selain meningkatkan kecekapan pencarian maklumat, ciri interaktif e-kamus turut memberikan manfaat dalam pelbagai aspek pembelajaran bahasa. Dapatan kajian ini sejajar dengan kajian terdahulu yang melaporkan bahawa penggunaan kamus elektronik dapat meningkatkan kemahiran membaca dan menulis serta membantu memperkukuh penguasaan kosa kata dan sebutan (Alamri & Hakami, 2022). Kepelbagaian fungsi ini menunjukkan bahawa e-kamus bukan sekadar berperanan sebagai sumber rujukan leksikal, malah berpotensi menjadi medium yang menyokong pembelajaran sendiri. Penggunaannya juga dapat meningkatkan motivasi serta menggalakkan penglibatan aktif pelajar dalam proses pembelajaran (Mustika & Dashela, 2024).

Dalam konteks institusi tempatan, dapatan kajian ini selaras dengan kajian yang menunjukkan tahap keperluan yang tinggi terhadap penggunaan aplikasi kosa kata digital dalam kalangan pelajar UiTM (Zulkepli et al., 2023). Pengintegrasian teknologi

dalam pembelajaran berpotensi meningkatkan minat pelajar masa kini yang lebih mengutamakan akses kepada maklumat secara pantas, fleksibel dan interaktif. Seiring dengan perkembangan tersebut, penggunaan kamus bercetak dilihat semakin kurang memadai untuk memenuhi keperluan pembelajaran semasa. Oleh itu, pembangunan e-kamus yang mengintegrasikan teknologi digital merupakan satu keperluan dalam menyediakan sumber pembelajaran yang lebih relevan dan selaras dengan perkembangan pendidikan digital (Ismail et al., 2025).

5.3. Menganalisis pandangan pelajar terhadap ciri-ciri dan kebolehcapaian e-kamus dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab untuk Komunikasi Perniagaan

Bagi memastikan e-kamus yang akan dibangunkan memenuhi keperluan pengguna dan mempunyai tahap kebolehgunaan yang baik, analisis terhadap ciri-ciri yang menjadi pilihan pelajar telah dilaksanakan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa fungsi carian dwibahasa (Arab–Melayu/Melayu–Arab) menjadi ciri yang paling utama. Ini diikuti dengan ciri penyediaan contoh ayat berdasarkan konteks sebenar perniagaan, fungsi audio bagi sebutan perkataan dan kemudahan akses luar talian. Sebaliknya, pelajar kurang beri penekanan pada ciri-ciri seperti senarai ungkapan komunikasi rasmi dan reka bentuk mesra telefon pintar. Dapatan ini memberikan gambaran bahawa pelajar lebih mengutamakan ciri-ciri yang bersifat praktikal dan dapat menyokong penggunaan e-kamus dalam pembelajaran Bahasa Arab untuk Komunikasi Perniagaan.

Corak dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar memberikan keutamaan kepada fungsi carian dwibahasa dan penyediaan contoh ayat kontekstual. Keutamaan ini memperlihatkan keperluan pelajar untuk merapatkan jurang pemahaman semantik dalam komunikasi perniagaan. Pelajar bukan sahaja perlu mengetahui terjemahan sesuatu perkataan, malah perlu memahami penggunaan kosa kata tersebut dalam ayat berdasarkan situasi perniagaan sebenar. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian Habibullahi et al. (2025) yang menyatakan bahawa pelajar memerlukan bahan pembelajaran yang memberikan penekanan pada kosa kata khusus perniagaan berserta contoh penggunaannya dalam konteks sebenar bagi meningkatkan keberkesanan komunikasi perniagaan.

Seterusnya, keutamaan pelajar terhadap ciri audio sebutan dan akses luar talian menunjukkan kepentingan aspek kebolehcapaian serta fungsi praktikal dalam pembangunan e-kamus. Penyediaan audio sebutan dapat membantu pelajar untuk meningkatkan ketepatan sebutan, sekali gus menyokong kemahiran komunikasi lisan. Kemudahan akses luar talian pula membolehkan pelajar meneruskan pembelajaran sendiri tanpa bergantung sepenuhnya pada sambungan internet. Keperluan terhadap ciri tersebut selari dengan prinsip pembangunan kamus elektronik seperti *e-Kamus Wazify*. Ia menekankan kepentingan mereka bentuk e-kamus berdasarkan keperluan sebenar pengguna, khususnya dari segi penyediaan ciri interaktif, mesra pengguna, mudah diakses dan relevan dengan kurikulum semasa (Ismail et al., 2025). Hal ini turut selaras dengan pandangan Alsayyida (2026) bahawa keberkesanan sesebuah kamus digital bahasa Arab dipengaruhi oleh keupayaan fungsi dan ciri yang disediakan dalam memenuhi keperluan khusus pengguna.

6. Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar mempunyai latar belakang pembelajaran bahasa Arab. Namun demikian, mereka masih berhadapan dengan cabaran dalam menguasai kosa kata khusus yang berkaitan dengan bidang perniagaan. Pelajar turut menghadapi kesukaran dalam membina ayat yang sesuai bagi konteks komunikasi rasmi. Situasi ini berkait dengan keterbatasan bahan rujukan yang interaktif dan kontekstual bagi menyokong pembelajaran sendiri secara berkesan.

Seiring dengan perkembangan pendidikan digital, kajian ini memperlihatkan tahap kesediaan yang tinggi dalam kalangan pelajar terhadap penggunaan e-kamus. Pelajar menunjukkan penerimaan positif terhadap e-kamus sebagai bahan sokongan pembelajaran. Penggunaannya dilihat lebih praktikal dan efisien berbanding kamus bercetak. Analisis keperluan turut mengenal pasti beberapa ciri utama yang menjadi keutamaan pelajar, antaranya ialah fungsi carian dwibahasa dan penyediaan contoh ayat dalam konteks perniagaan. Selain itu, ciri audio sebutan dan akses luar talian turut diberikan perhatian. Kesemua ciri tersebut mencerminkan keperluan terhadap e-kamus yang praktikal, mudah diakses dan relevan dengan konteks pembelajaran.

Keseluruhannya, kajian awal ini memberikan asas empirikal untuk mengenal pasti keperluan sebenar pelajar terhadap pembangunan kamus elektronik. Dapatan analisis keperluan menjadi landasan penting bagi menentukan reka bentuk dan pembangunan e-kamus yang sistematik. Pendekatan berpusatkan pengguna juga perlu diberikan perhatian dalam proses pembangunan bagi memastikan e-kamus yang dihasilkan memenuhi keperluan pengguna. Selain itu, kandungan e-kamus perlu diselaraskan dengan keperluan kurikulum semasa. Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan kepentingan e-kamus sebagai bahan sokongan dalam pembelajaran Bahasa Arab untuk Komunikasi Perniagaan pada peringkat pengajian tinggi.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Penyelidikan ini mematuhi Garis Panduan Etika Penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Teknologi Mara (REC, UiTM).

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Para penyelidik merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada mana-mana pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang menjalankan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Penyelidikan ini dibiayai oleh Skim Geran Terbuka Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Tiada unsur konflik kepentingan dalam penyelidikan ini.

Rujukan

- Abouserie, H. E. M. R. (2010). Evaluating Online Dictionaries From Faculty Prospective: A Case Study Performed On English Faculty Members At King Saud University--Wadi Aldawaser Branch. *Online Submission*.
- Ahmad, N. Z., Wan Mahmud, W. M., Abd Wahid, N., Nordin, F. N., & Ahmad Safian, N. (2025). Exploring students' needs for vocabulary games in learning Arabic for business purposes. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 15(12), 2482–2492. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v15-i12/27223>
- Alamri, H. R., & Hakami, H. M. (2022). Exploring Perspectives of EFL Students on Using Electronic Dictionaries to Improve Vocabulary Learning: A Comparative Study. *International Journal of Curriculum and Instruction*, 14(2), 1578-1599.
- Alsayyida, M. M. (2026). Comparative analysis of Arabic digital dictionaries: A study on Al-Ma'any and the Arabic-Indonesian dictionary. *EDUCA: Jurnal Pendidikan Indonesia*, 1(1), 5–12. <https://journals.balaipublikasi.id/index.php/educa/article/view/406>
- Daud, W. A. (2016). *Bina wihdat dirasiyyah li taalim al arabiyyah li dirasi al tiknulujiya al zira'iyyah fi kuliyyah mara lil tiknulujiya bi wilayah kalantan: Dirasah wasfiyyah tahliliyyah* [Unpublished master's thesis]. International Islamic University Malaysia.
- Durkawi, A. A., & Binmoeller, J. (2017). Intercultural communicative competency in an age of globalization: using technology in teaching the Arabic language as culture. *The Language Scholar*, 1, 47–164.
- Ghani, M. T. A., Daud, W. A. A. W., & Ramli, S. (2019). Arabic for specific purposes in Malaysia: A literature review. *Issues in Language Studies*, 8(1), 1–14. <https://doi.org/10.33736/ils.1293.2019>
- Golfetto, M. A. (2020). Towards Arabic for specific purposes. *Ibérica*, 39, 371–398.
- Habibullahi, A.-H., Muhammed, S. A., & AbdulRafih, A.-F. S. (2025). Arabic for effective business communication and marketing promotion: A town and gown analysis in Nigeria context. *Social Empowerment Journal*, 7(2), 52–69. <https://doi.org/10.34118/sej.v7i2.4276>
- Hashim, N. (2009). *Taalim al arabiyyah li aghrad khassah: Durus li al mutakhassisin fi majal al iqtisad* [Unpublished master's thesis]. International Islamic University Malaysia.
- Hamidah, F. N., Sukya, F., & Yanuarman, D. (2021). Developing e-dictionary as an innovative media in covid-19 pandemic. *Celtic: A Journal of Culture, English Language Teaching, Literature and Linguistics*, 8(2), 247-259.
- Hamouda, A. (2013). A study of dictionary use by Saudi EFL students at Qassim University. *Study in English Language Teaching*, 1(1), 227-257.
- Ismail, M.R., Ghazali, A.R., & Latif, K.A.A. (2025). Integrating Technology in Developing the e-Kamus Wazifiy: Needs Analysis and Implications. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 9(1), 126-140.
- Ismail. M. I., & Yusoff, M. S. A. (2023). Penilaian Pelajar Bahasa Arab UiTM Kelantan Terhadap Penggunaan Dan Kebergunaan Kamus Kata Kerja Arab (Verbdict). *International Journal of Modern Education*, 5(19), 254-262. <https://rsisinternational.org/journals/ijriss/articles/student-perceptions-and-usage-of-verbdict-in-arabic-language-learning-a-preliminary-study-at-uitm-kelantan/>
- Izza R.U., N., Mahliatussikah, H., & Ahsanuddin, M. (2024). Students' perception of the development of a digital dictionary of Arabic idioms based on corpus linguistics.

- Arabiyat: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab dan Kebahasaaraban*, 11(2), 234–244.
<https://doi.org/10.15408/a.v11i2.41665>
- Md Ghalib, M. F., Al-Qartoubi, M. M. A., & Al-Noumani, M. H. S. (2022). Experiences and expertise in building Arabic electronic dictionaries: An example from the lingual electronic dictionary. *International Journal of West Asian Studies*, 14, 161-178.
<https://ejournal.ukm.my/ijwas/article/view/60475>
- Jaffar, M. N., Kirembwe, R. A. H., & Ahmad, H. (2013). Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama: Analisis Keperluan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi di Universiti Sains Islam Malaysia. *‘Ulūm Islāmiyyah Journal*, 10, 19–29.
<https://doi.org/10.12816/0002859>
- Leffa, V. J. (1992). Electronic dictionaries: A new perspective for language learners. *International Journal of Lexicography*, 5(1), 63–68.
- Müezzini, A. D. (2021). دور المعاجم الإلكترونية أثناء الترجمة وأثرها في تعليم اللغة العربية للناطقين بغيرها. [Peranan kamus elektronik semasa terjemahan dan kesannya terhadap pengajaran bahasa Arab kepada penutur bukan asli]. *Dinbilimleri Akademik Araştırma Dergisi*, 21(1), 507-528. <https://doi.org/10.33415/daad.836684>
- Mustika, Y., & Dashela, T. (2024). Improving students' vocabulary mastery by using u-dictionary. *Jurnal Ilmiah Spectral*, 10(1), 016-027.
- Ningsih, Y., Syaief, A. N., Artika, K. D., & Herpendi, H. (2022, March). Developing Multilingual Automotive E-Dictionary Based on Corpus Linguistics. In *International Conference on Applied Science and Technology on Social Science 2021 (iCAST-SS 2021)* (pp. 962-967). Atlantis Press.
- Ossai, R. N., Carol, C. O., & Anthonia, N. (2021). Effect of E-dictionary Strategy for Vocabulary Acquisition on the listening and Speaking Skills. *Journal of Research in Humanities and Social Science*, 9(7), 1-14.
- Pravitasari, H., & Wilantika, C. F. (2024). *Technology and Local Language: Development of An Android-Based Sundanese-English Electronic Dictionary for The Baduy Community in Indonesia*.
- Ramadhani, M. F., Murtadho, N., Irhamni, & Ismail, M. Z. (2024). Development of Arabic-Indonesian Android dictionary for Madrasah Aliyah students. *Jurnal Pendidikan: Teori, Penelitian, dan Pengembangan*, 9(2), 78–85.
<https://doi.org/10.17977/jptpp.v9i2.25297>
- Saini, F., & Bale, G. (2025). Digital dictionary vs non-digital dictionary: The needs, challenges, and effects in English language learning. *Journal of English Language Teaching, Linguistics, and Literature Studies*, 5(1), 1–17
- Saleh, M., Nur, M. A., Ahmad, F., & Ilham, M. (2023). Development of Arabic-Indonesia Pocket Dictionary to Improve Speaking Skills of Iqro'Stabat Disdit. *Journal Of Education And Teaching Learning (JETL)*, 5(3), 325-335.
- Septiyana, L., Aneka, A., Mandasari, B., & Ramadhan, F. S. S. (2023). Development of A Trilingual E-Dictionary for Early Childhood; Indonesia-English-Lampung. *Tapis: Jurnal Penelitian Ilmiah*, 7(2), 160-172.
- Shuhan, M., Jabar, M. A. A., & Fang, N. C. (2022). Semantic challenges caused by abbreviations of Arabic economic and business terms for undergraduates in China. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 11(1), 120–133. <https://doi.org/10.6007/IJARPED/v11-i1/11937>
- Taufiqurrochman, R., & Mustaqim, N. Y. S. (2023). Digital Indonesian Arabic Dictionary For Improving Mastery of Arabic Vocabulary. *Ijaz Arabi Journal of Arabic Learning*, 6(3).
- Universiti Teknologi MARA. (2023). *TAC402: Arabic for Business Communication I* [Course syllabus]

- Wei, L. W., & Chang, C. C. (2022). Self-investigation into Chinese EFL learners' perceptions and habits of online English dictionary use. *Journal of China-ASEAN Studies*, 2(1), 35-46.
- Zainudin, G. (2010). *Taalim Al Lughah Al Arabiah Li Aghrad Mihniah Li Talabah Al Tamridh Bi Kuliyyah Al Jamiah Al Islamiah Al Alamiah Bi Wilayah Salanjur: Dirasah Wasfiah Wa Tahliliah* [Unpublished master's thesis]. International Islamic University Malaysia.
- Zhang, L., & Al-Rabay'ah, I. H. (2025). تعليم اللغة العربية للناطقين بغيرها لأغراض خاصة في الصين: لغة التجارة والأعمال أنموذجًا [Teaching Arabic to non-native speakers for specific purposes in China: Trade and business language model]. *مجلة المشكاة للعلوم الإنسانية والاجتماعية*, 12(Supplement 4), 883-916
- Zulkepli, M. K. A., Wahab, B., Yahaya, A.F., Hamid, M.Z.A., & Mohamad, N. (2023). Analisis Keperluan Aplikasi Kosa Kata Bahasa Arab Komunikasi dalam Pembelajaran. *The Journal of Social Analysis and Sustainability Studies (JSASS)*, 10(2), 110-120.